



MB beri jaminan masalah tahun lalu tidak berulang

## 5 sebab tiada catuan air

- Kapasiti empangan di paras tinggi
- Penguatkuasaan elak pencemaran
- Kempen jimat air
- Pemberian awan
- Air lombong jadi alternatif

“Saya tidak mahu masalah catuan air berulang seperti tahun lepas. Jadi, kita membuat persiapan awal.”  
- Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali

LAPORAN LANJUT DI MUKA 2&3



Gambar oleh Asrie Sapie

**POLITIK MATANG...** Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali melakukan kunjungan hormat ke pejabat Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem. Pertemuan itu pertama kali diadakan antara pimpinan negeri Pakatan Rakyat dan BN

## Acuan Sarawak untukkekalkan keharmonian agama

OLEH NAEEM RAFFI

**KUCHING** - Selangor akan mengadaptasi acuan Kerajaan Sarawak dalam mengekal keharmonian agama sekalipun masyarakat majmuk di negeri itu.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata, ia bagi memastikan rakyat berbilang kaum,

budaya dan agama di Selangor hidup harmoni, sekali gus meningkatkan fahaman ekstremis agama.

“Kita mencontohi Sarawak dalam hal ini. Walaupun ada 40 peratus bukan Islam di Bumi Kenyalang tetapi mereka mengekalkan keharmonian dalam kehidupan seharian.

“Sebaliknya di Selangor, para-

tus bukan Islam lebih sedikit tetapi suasana seumpama itu sukar diperoleh,” katanya kepada Selangor Kini.

Hasrat itu turut dibincang secara mendalam ketika kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem di sini, 3 Mac lalu.

Pada lawatan kerja tiga hari

ke Sarawak, beliau juga bertemu Penggerusi ACS Most Revved Archbishop, Datuk Bolly Lapok di kediaman rasminya di St Thomas Cathedral di sini, 1 Mac lalu.

Mohamed Azmin yakin kepelbagaiannya agama dalam sebuah negeri menjadi aset penting yang membantu membangunkan sebuah negeri atau negara.

**MB: Jangan jual tanah**

“Mereka yang dianugerah tanah kerajaan jangan jual untuk jangka pendek kerana ini aset paling penting bagi diri kita, keluarga dan waris masa depan.”

BERITA DI MUKA 3

**Pembelotan masyarakat dalam kes jenayah**

Yang penting ialah peranan masyarakat. Bukan setakat laporan kejadian tetapi kalau ada percubaan membeli barang curi, hendaklah dilapor. - Kamal Affendi Hashim, penganalisis jenayah

BERITA DI MUKA 6

**Sewa atas sewa Kerajaan Negeri gempur PPR**

Kerajaan Negeri memandang serius tindakan tidak bertanggungjawab penyewa tempatan yang menyewakan unit rumah mereka kepada warga asing.

BERITA DI MUKA 8

**Pembunuhan pun diampunkan**

Permohonan Pengampunan Diraja, seperti yang dipohon keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah dilakukan beberapa pemimpin Umno BN.

BERITA DI MUKA 14

# Jaminan tiada catuan air

OLEH AFIX REDZUAN

**TANJONG KARANG** - Dato' Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali memberi jaminan tiada catuan air sekalipun negeri ini dilanda musim panas.

Katanya, mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) membincangkan langkah alternatif menghadapi musim itu.

"Mesyuarat itu menumpu satu agenda sahaja iaitu ber-

kutan cuaca panas dan ada kemungkinan kemarau berpanjangan dan kaitan dengan cuaca global

"Saya minta taklimat penuh supaya kita dapat buat persiapan awal termasuk bekalan air mentah ke loji rawatan, juga bekalan air bersih untuk disalur kepada pengguna."

"Saya tidak mahu masalah catuan (air) berulang seperti tahun lalu. Kena buat persiapan awal," katanya di Masjid Darul Iman, Kampung Parit Serong.

## Kapasiti lima empangan lebih 85 peratus

Sehingga jam 8 pagi 3 Mac lalu, lima empangan melebihi kapasiti 85 peratus berdasarkan pemantauan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) manakala hanya tiga bawah paras itu.

### EMPANGAN

### KAPASITI

• Kolam Takungan Batu	89.79 peratus
• Klang Gates	87.69 peratus.
• Sungai Langat	95.49 peratus
• Sungai Semenyih	95.18 peratus
• Tasik Subang	97.82 peratus.
• Kolam Takungan Sungai Labu (ORS)	74.44 peratus
• Sungai Selangor	75.98 peratus
• Sungai Tinggi	69.39 peratus.



## Kempen pastikan bekalan cukup

**PETALING JAYA** - Kempen penjimatkan air akan memastikan bekalan mencukupi ketika musim panas dan kering, kata Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua.

"Kempen Jimatkan Air juga perlu dijalankan supaya penduduk tidak menggunakan air berlebihan ketika waktu

puncak," katanya kepada SelangorKini.

Beliau juga mahu tindakan tegas terhadap kilang yang mencemar sumber air termasuk pemantauan berterusan bagi memastikan sungai tidak 'diracuni'.

Tony Pua berkata, langkah alternatif perlu diambil

segera bagi mengelakkan catuan air tidak berlaku seperti sebelum ini.

"Perlu buat persediaan untuk meningkatkan takungan empangan. Jika musim panas berlarutan, kita khuatir empangan dan kolam takungan air berada di paras kritikal," katanya.

## SPAN: Bacaan empangan baik

**SHAH ALAM** - Persiapan awal mampu mengelakkan catuan air walaupun menghadapi musim panas ketika ini, kata Pengurus Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Ismail Kassim.

"Lembaga Urus Air Selangor (Luas) sudah membuat kajian dan catatan bacaan air di empangan. Setakat ini dijangka tidak akan berlaku catuan air di Selangor.

"Projek Hybrid off River Augmentation System (Horas) dan beberapa projek lain juga menunjukkan kesan baik," katanya kepada Selangor Kini.

Ismail menjangka tidak berlaku masalah dan keadaan terkawal berdasarkan perancangan sehingga akhir Mac ini.

"Bacaan di empangan tidak membimbangkan. Bagaimanapun, kita berhati-hati terhadap keadaan luar jangka," katanya.



Zaidy sewaktu melawat Tapak Projek Penyaluran Air Mentah Paip Pahang-Selangor (PPAMPS) 1800mm dari 'Tunnel Outlet' ke Sungai Langat.

## Sampel kolam alternatif selamat diminum

**SHAH ALAM** - Analisis pensampelan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) mendapati air mentah dari kolam alternatif yang dipam ke Sungai Selangor, selamat digunakan sebagai air minuman.

Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata semua parameter mematuhi kualiti air mentah mengikut Garis Panduan Kualiti Air Minum Kebangsaan.

Beliau berkata, analisis pensampelan pada 20 Januari lalu yang dijalankan Jabatan Kimia Malaysia mendapat ia selaras dengan garis panduan Kemen-

terian Kesihatan.

"Kita serius memastikan sumber air mentah di Selangor selamat untuk rakyat," katanya pada kenyataan media, 28 Februari lalu.

Katanya, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) mula mengepam air kolam alternatif di Bestari Jaya sejak 2 Februari lalu dengan pengeluaran hingga 700 juta liter sehari (JLH).

Kata Zaidy, proses pemantauan kualiti air dibuat melalui tiga peringkat iaitu di kolam alternatif, air mentah di sungai dan muka sauk dan air terawat selepas proses rawatan.

"Kita memberi penjelasan berikut ada pihak mengeli-

rukan rakyat dengan meragui tahap kesihatan air mentah di kolam," katanya.

Beliau berkata, kadar pelepasan air di empangan Sungai Selangor dikawal ketat melalui kelulusan LUAS secara harian dengan semakan pelepasan tiga kali sehari.

"Ia berujuan mengoptimum aliran air sungai sedia ada dan sumber air daripada kolam alternatif.

"Langkah pengurangan pelepasan air empangan dan pengepaman air kolam alternatif dapat memenuhi keperluan loji rawatan dan memanjangkan hayat kapasiti empangan," katanya.



Zaidy ke Loji Pembersihan Sungai Semenyih untuk dapatkan maklumat terbaru berkaitan pencemaran mangan dan ammonia

## Pelbagai kaedah

**TANJONG KARANG** - Pengkuatan kuasaan dipertingkat bagi mengelakkan pencemaran yang boleh mengganggu bekalan air bersih sekaligus mengakibatkan loji rawatan air terpaksa ditutup.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali berkata berlaku tumpahan minyak dan sisa ammonia sebelum ini hingga menyebabkan loji ditutup bagi tempoh panjang.

Beliau merujuk kejadian tiga Sungai Selangor yang ditutup akibat kandungan kimia tinggi akibat tumpahan diesel, Oktober lalu.

Mengenai air lombong sebagai sumber alternatif, Mohamed Azmin berkata, kajian mendapati ia selamat digunakan selepas melalui proses tertentu.

"Itu sebagai bekalan tambahan.

Kalau air sungai tidak mencukupi, kita ada empangan yang akan dilepaskan ke sungai untuk dimasukkan ke loji rawatan.

"Itu pilihan sebagai tambahan. Kita juga sedang menyiapkan projek Horas 600 yang dijangka siap September ini," katanya.

Mohamed Azmin berkata, pembenihan awan juga dibincang dan kerajaan Selangor bersetuju bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan.

"Kalau Kerajaan Persekutuan dan kementerian belum bercadang membuat pembenihan awan, Kerajaan Negeri melakukan sebelum ini.

"Kalau ada keperluan, kita akan lakukan kerana kita tidak mahu terputus bekalan air bersih kepada pengguna," katanya.

## Pasukan anti-pencemaran cekap

**SHAH ALAM** - Ketegasan dan kepantasan Pasukan Petugas Pencemaran Sumber Air dalam menangani isu pencemaran diyakini mengelakkannya sungai

Merujuk kes pemberhentian operasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih yang dihenti pada jam 5.15 petang 3 Mac lalu, kecekapan Pasukan Petugas Pencemaran Sumber Air diyakini.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Zaidy Abdul Talib, berkata Pasukan Petugas Pencemaran Sumber Air menjalankan siasatan serta-merta untuk mengenal pasti punca pencemaran.

Katanya, pasukan itu diketuai Lembaga Urus Air Selangor

(Luas) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Konsortium Aliran Bekalan Air Selangor Selatan (ABASS).

"Kadar pengepamian air mentah loji berkenaan terlebih dahulu dikurangkan daripada 682 juta liter sehari (JLH) kepada 409 JLH," kanya dalam kenyataan media.

Terdahulu, Luas menerima makluman daripada ABASS berkenaan penurunan kadar pH dan peningkatan parameter Mangan dan Ammonia di Sungai Semenyih pada jam 3.15 petang tadi.

Bacaan air mentah mencatatkan kadar pH 5.65, Ammonia pada 1.60 ppm dan Mangan pada kadar 1.51 ppm.

# MB: Jangan jual tanah



Mereka menganggap pemberian ini sebagai hadiah Tahun Baru Cina yang cukup bermakna

OLEH AFIX REDZUAN

**SUNGAI BULOH** - Penerima geran pemilikan tanah dinasihat tidak menjualnya untuk keuntungan jangka pendek, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin.

"Mereka yang dianugerah tanah kerajaan jangan jual untuk jangka pendek kerana ini asset paling penting bagi diri kita, keluarga dan waris masa depan," katanya.

Beliau juga mengingatkan premium tanah perlu dibayar mengikut kadar semasa jika tanah itu dijual kepada pembeli baru.

Majlis Penyerahan Hakmilik

Tanah dan Penyampaian Notis 5A berlangsung meriah di Kampung Sri Indah A dengan jumlah penerima seramai 137 orang.

Seramai 106 daripada mereka menerima geran tanah manakala selebihnya menerima Notis 5A yang terdiri daripada penduduk Kampung Sri Indah B dan Kampung Nakhoda.

## Penantian 20 tahun berakhir

**SUNGAI BULOH** - Barangkali tahun kambing bagi masyarakat Cina menyebelahi tuah Siew Yook Yen, 47, apabila menerima geran tanah yang dinanti-nantikannya sejak lebih 20 tahun.

Gembira dan beliau menganggapnya sebagai hadiah Tahun Baru Cina paling bermakna.

"Bila dapat geran tanah saya sangat gembira. Saya sudah tinggal di sini 23 tahun," katanya yang bekerja sebagai penyelia kilang itu.

Pemandu lori, M Kerisnamurthhi, 52, lega memperoleh geran tanah yang dipohon sejak 2008 walaupun menetap di situ sejak 12 tahun lalu.

Shahrul Erham Shaharudin, 35, turut gembira apabila pe-



Shahrul Erham



M Kerisnamurthhi

nantian hampir sembilan tahun berbalas apabila terpilih menjadi penerima Notis 5A.

"Sangat gembira sebab kita tunggu lama sangat. Dekat 30 tahun tinggal di sini," katanya yang menyara hidup sebagai peniaga.

Majlis Penyerahan Hakmilik Tanah dan Penyampaian No-

tis 5A berlangsung meriah di Kampung Sri Indah A disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Seramai 137 penerima dengan 106 daripada mereka menerima geran tanah manakala bakinya menerima Notis 5A yang terdiri dari penduduk Kampung Sri Indah B dan Nakhoda.

## Dari kelas ekonomi ke makan dalam talam

OLEH NAEEM RAFFI

**DELEGASI** Selangor seramai 12 orang berada di Sarawak selama tiga hari bermula 1 Mac lalu.

Diketuai Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, kami menaiki belon - istilah orang Sarawak.

Kami beratur mengambil tiket. Mohamed Azmin tidak terkecuali, turut sama beratur panjang sekalipun berstatus orang kenamaan (VIP).

Seperti kami, beliau juga duduk di kelas ekonomi sepanjang dua jam penerbangan yang agak membosankan itu. Mujur penumpang sebelah saya ringan mulut mengajak sembang.

Beliau terkejut mengetahui kami mengiringi Dato' Menteri yang disebutnya sebagai Ketua menteri - istilah orang Sarawak bagi jawatan sama.

Tambah terperanjat apabila mengetahui Mohamed Azmin bersama-sama dalam penerbangan kelas ekonomi, sama seperti beliau sendiri.

Selepas kemeriah sambutan ketibaan, kami dibawa berehat di hotel tiga bintang. Sepertimana bilik kami, begitu juga bilik Mohamed Azmin. Tiada jurang kasta.

Jadual agak padat pada hari pertama beberapa acara politik selain beramah mesra dengan penduduk, apatah lagi kehangatan suasana Tahun Baru Cina masih segar.

Malamnya, kami bersolat di Masjid Al-Taqwa Kampung Pinang Jawa di Petrajaya, tidak jauh dari lokasi program.

Jemaah yang mula bertanya-tanya akhirnya mengecam kelabit Mohamed Azmin. Ada mengambil kesempatan berjabat tangan, ada mengajak bergambar.



Mohamed Azmin kemudian dipelawa menjahat nasi talam ikan tongkol. Beliau bersila bersama-sama jemaah lain, berkongsi talam menikmati keenakan masakan itu.

Pada hari seterusnya, delegasi kami mengadakan dua pertemuan penting.

Pertama, berjumpa Pengurus ACS Most Reverend Archbishop, Datuk Bolly Lapok di St Thomas Cathedral. Keesokannya, membuat kunjungan hormat di Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem.

Kunjungan G to G (Kerajaan dengan Kerajaan) pada 3 Mac itu adalah pertama kali antara Kerajaan Sarawak yang dikuasai Barisan Nasional (BN) dengan Kerajaan Selangor yang diteraju Pakatan Rakyat.

Pelbagai isu dibincang dalam dua pertemuan itu, dari soal sekatan Jabatan Imigresen hingga keharmonian agama. Semuanya demi kepentingan rakyat.

Dari Kuching, kami ke Miri. Juga menaiki penerbangan kelas ekonomi. Sepanjang beberapa program, kami dapat rasakan betapa program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) popular di rakyat.

Mereka mencemburui manfaat kebaikan yang disalur Kerajaan Selangor kepada rakyatnya tanpa mengira perbezaan kaum, agama mahupun jalur politik.

Sehinggakan, ada yang bertanya kepada kami, adakah benar sedari lahir, berkahwin hingga meninggal dunia, rakyat Selangor menerima pelbagai manfaat.

"Itulah Selangor, menjaga kebaikan hingga akhir hayat," kata kami yang pulang dengan penuh rasa kebanggaan itu.

## Kunjungan hormat ke pejabat Ketua Menteri

**KUCHING** - Buat pertama kali, dua pimpinan negeri bertemu secara rasmi bagi bertukar-tukar pandangan sekalipun dari fahaman politik berbeza.

Ia dilakukan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali yang melakukan kunjungan hormat di Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem.

"Ini lawatan rasmi pertama selaku Menteri Besar. Kebetulan

ia berlangsung pada sambutan ulang tahun pertama kepimpinan Adenan sebagai Ketua Menteri Sarawak," kata Mohamed Azmin.

Turut sama, Setiausaha Politiknya, Shuhaimi Shafie; Exco Selangor, Dr Daroyah Alwi dan Amirudin Shari serta Timbalan Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR, Abang Zulkifli Abang Engkeh.

Merakam penghargaan atas kesediaan menerima kunjungan itu, Mohamed Azmin juga gembira kerana Adenan tidak menyifatkan pembangkang di Sarawak sebagai musuh.

"Saya tersentuh dan terkesan dengan kenyataan Adenan menyatakan Pembangkang di Sarawak bukannya musuh tetapi adalah kawan dalam pentadbiran Kerajaan Sarawak."

## Ubah jika mahu nikmati kebaikan



**MIRI** - Rakyat Sarawak perlu membuat perubahan pada Pilihanraya Negeri (PRN) jika mahu menikmati pemerintahan berkebajikan seperti di Selangor.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menggesa mereka meninggalkan kerajaan BN yang terpalit dengan

pelbagai isu korupsi.

"Sama ada kekal pemerintahan sedia ada yang menekan dan menindas atau memilih kerajaan baru yang ada rekod cemerlang di dua negeri terkaya di Semenanjung," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Rumah Terbuka

Tahun Baru Cina PKR cabang Miri di Kelab Gymkhana di sini, 3 Mac lalu yang dihadiri lebih 500 penduduk setempat.

Bagaimanapun, katanya, semangat sahaja tidak membawa erti jika masyarakat was-was dalam melakukan perubahan.

# Toleransi agama bina keharmonian majmuk



**KUCHING** - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengunjungi Pengurus ACS, Most Revd Archbishop, Datuk Bolly Lapok di kediamannya di St Thomas Cathedral, Kuching, Sarawak, 2 Mac lalu.

Pelbagai isu dibincang dalam kunjungan pada hari kedua lawatannya di Bumi Kenyalang itu.

"Kita bincang bagaimana mahu mewujudkan suasana harmoni dalam sebuah masyarakat rencam seperti Malaysia yang ada kepelbagaian agama, budaya dan kaum.

"Penting untuk umat Islam dan Kristian menganjurkan pertemuan seperti ini supaya generasi muda memahami pentingnya kesedaran tentang agama masing-masing," katanya.

Beliau menyifatkan Bolly Lapok memainkan peranan penting dengan Istana Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam kontroversi pengambilan al-Kitab tahun lalu.

"Ia bukan sahaja diselesaikan secara baik, malah meredakan keadaan," katanya.

Mohamed Azmin turut mengulangi pendirian betapa kepelbagaian agama menjadi aset penting dalam membangunkan sesebuah negeri dan negara.

## Tarik balik sekatan

**KUCHING** - Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali minta Kerajaan Sarawak menarik balik sekatan terhadap pemimpin Pakatan Rakyat dari memasuki negeri itu.

Beliau menghormati Perkara 18 Perjanjian Malaysia tetapi meminta budi bicara Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Datuk Adenan Satem untuk mempertimbangkannya.

"Kita hormati autonomi Jabatan Imigresen tetapi atas budi bicara Ketua Menteri, saya minta dapat bantu perkara itu," katanya.

Perjanjian Malaysia merangkumi 20 perkara di Sabah

dan 18 perkara di Sarawak yang ditandatangani pada 1963 ketika pembentukan Malaysia.

Sebelum ini, beberapa pemimpin PKR dihalang memasuki Sarawak menggunakan kuasa autonomi berkenaan.

Gembira atas kesediaan meneliti semula hal itu, beliau berkata, ia selari dengan kenyataan Adenan yang menganggap pembangkang adalah kawan dan bukannya musuh.

"Ini penting untuk proses pendemokrasian berjalan dengan baik," katanya.



"Orang Sarawak bukan sahaja baik hati dan peramah, malah masakan mereka juga lazat," katanya ketika singgah di Masjid Al-Taqwa Kampung Pinang Jawa, Petrajaya selepas solat Isyak pada 2 Mac.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali bersila dan menikmati Nasi dalam ikan tongkol Sarawak dalam talian bersama penduduk negeri itu

## SELANGOR

### SIDANG PENGARANG

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit  
**PENGARANG BERITA:** Hafizh Mokhtar & Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG:** Mohd Ezli Mashut

**PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,  
Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,  
Affix Redzuan: affixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,  
Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazlibrahim@gmail.com,  
Norfarahidayu Baharudin: ayu\_tvs@yahoo.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,  
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

## Benarkan ke Parlimen

**SHAH ALAM** - Keputusan akhir bagi Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk hadir ke sidang parlimen minggu depan terletak pada kuasa Menteri Dalam Negeri.

Peguamnya, N Surendran dan Latheefa Koya berkata Seksyen 31 Akta Penjara 1995 memperuntukkan Ketua Pengarah (Jabatan Penjara) mempunyai kuasa mengarahkan individu dipenjara boleh dibawa ke tempat difikirkan munasabah.

Katanya, hanya Ketua Pengarah Penjara

mempunyai kuasa undang-undang untuk melepaskan Anwar untuk menghadiri Parlimen.

"Ketua Pengarah Penjara adalah di bawah kawalan dan tanggungjawab Menteri Dalam Negeri," katanya dalam kenyataan media.

Katanya, beliau menyeru Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan kerajaan menghormati institusi Parlimen dan sistem demokrasi dengan membenarkan pemimpin Anwar menghadiri Parlimen bermula 9 Mac ini.

## Yakin istana pertimbang

**SHAH ALAM** - PAS Selangor yakin Istana Negara bersikap profesional dan adil dalam mempertimbangkan pengampunan Diraja bagi Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke atas hukuman Fitnah 2.

Setiausaha PAS Selangor, Mohd Khairuddin Othman berkata, kepercayaan itu berdasarkan integriti dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara yang

bebas daripada pengaruh mana-mana pihak.

"Kita harap Datuk Seri Anwar Ibrahim menggunakan hak dan ruang yang ada di dalam perlembagaan bagi memohon pengampunan Diraja"

"Saya yakin tidak ada campur tangan pihak lain terhadap pertimbangan Istana Negara," kata Mohd Khairuddin ketika dihubungi Selangor Kini.

# Azmin: Pemenjaraan Anwar bukan isu peribadi

OLEH AFIX REDZUAN

**SUNGAI BULOH** - Permohonan Pengampunan Diraja yang dipohon keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim wajar kerana pemenjaraan Penasihat Ekonomi Negeri Selangor itu bukan isu peribadi.

Sebaliknya, Dato' Menteri Besar yang juga Timbalan Presiden PKR, Mohamed Azmin Ali, berkata hukuman itu disebabkan sistem kehakiman yang sudah rosak. "Ruang keadilan kepada Anwar perlu ada selepas beliau dianiyai sistem kehakiman negara.

"Prinsip keadilan, kesaksamaan dan tatakelola yang baik serta kehakiman yang bebas kerana ia sebahagian perjuangan kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan media selepas

menghadiri Majlis Penyerahan Hak Milik Tanah dan Penyampaian Notis 5A di sini, 28 Februari lalu.

Menyerahkan penilaian pengampunan itu kepada kebajaksanaan Yang di-Pertuan Agong, beliau meminta semua pihak memahami perasaan keluarga Anwar.

"Kita mendukung inisiatif yang diambil keluarga Anwar dan kita kena faham perasaan mereka.

"Tanggungjawab kita ialah mengemukakan petisyen dan Jawatankuasa Pengampunan perlu menyiapkan kertas maklum balas yang adil supaya keadilan dapat diberi kepada Anwar.

Pada 24 Februari lalu, keluarga Anwar menghantar petisyen pengampunan kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara.

Pengampunan Diraja satu-satunya cara untuk Anwar dibebas selepas Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman penjara lima tahun.

**“ Prinsip keadilan, kesaksamaan dan tatakelola yang baik serta kehakiman yang bebas kerana ia sebahagian perjuangan kita**

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar Selangor



## Pembunuhan pun diampunkan

**SHAH ALAM** - Permohonan Pengampunan Diraja, seperti yang dipohon keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah dilakukan beberapa pemimpin Umno BN.

Exco Selangor, Amirudin Shari, berkata undang-undang membenarkan tindakan itu tetapi keputusannya bergantung kepada Yang Dipertuan Agong.

"Ada ruang undang-undang untuk itu. Jadi kenapa tidak (boleh) dibuat? Sebelum ini pun, ramai yang buat termasuk pemimpin BN suatu ketika dulu," katanya.

Beliau berkata, Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail turut memberi penjelasan berhubung keputusan menghantar permohonan pengampunan itu dan disokong semua ahli parti.

"Biro politik ada berbincang dan persetujuan dicapai walau-pun dilihat seolah-olah (Anwar) cuba mengaku salah. Bagi saya, yang penting petisyen itu bukan dibuat Anwar sendiri.

"Pendirian parti terhadap tidak bersalahnya Anwar kekal dan itu mungkin faktor tertentu yang difikirkan keluarga (mohon pengampunan)," katanya.

**DATUK** Mokhtar Hashim yang sabit kesalahan membunuh Datuk Mohamad Taha Talib diampun Yang di-Pertuan Agong hingga membawa kepada pembebasannya pada 1991.

Ketika itu, Mokhtar ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ahli Parlimen Tampin manakala Mohamad Taha pula Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan.

Mohamad Taha ditembak mati dengan pistol milik Mokhtar di Kampung Seri Asahan, Gemencheh pada jam 1.30 pagi, 14 April 1982

**KES 1**

dipercayai bermotif sengketa politik.

Setelah beberapa tahun, Mokhtar ditempatkan di Penjara Pudu, beliau diampunkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan hukuman ditukar kepada penjara seumur hidup sebelum dibebaskan.

Perdana Menteri ketika itu ialah Tun Dr Mahathir Mohamad manakala Datuk Seri Musa Hitam, timbalannya. Menteri Besar Negeri Sembilan ketika itu ialah Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad. Peguam Negara pula Tan Sri Abu Talib Othman.

**KES 2**

**KARTIKA** Sari Dewi Shukarnor, seorang model yang didapati bersalah kerana minum arak sebelum dihukum denda serta sebatan, diampuni Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah pada 2010.

Beliau hanya diarah melakukan kerja khidmat masyarakat selama tiga minggu, bukan denda RM5,000 dan enam sebatan seperti keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan.

Terdahulu, Kartika Sari mengaku salah atas tuduhan minum arak pada 11 Julai 2008 di Cherating Bay Lounge, Hotel Legend, Cherating, Pahang.

## KIDEX tidak diambil kira dalam RSN Selangor 2035

**SHAH ALAM** - Projek Lebuhraya Kinrara Damansara (Kidex) tidak diambil kira dalam penyediaan draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 (RSN Selangor 2035).

Dato' Menteri Besar, Mohamed

Azmin Ali, berkata Mesyuarat Pendengaran Hasil Maklum balas Publisiti Laporan Tinjauan, Kajian RSN Selangor 2035 berkaitan projek Kidex, turut dibatal.

"Ia selaras dengan pendirian Ker-

jaan Negeri yang tegas mengambil tindakan terhadap kegagalan pemaju memenuhi syarat," katanya pada kenyataan media 27 Februari lalu.

Ia berikutan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada

pada 25 Februari 2015 membuat keputusan membatal projek Kidex.

"Ia selaras dengan kuasa Kerajaan Negeri berhubung pembangunan tanah dan kelulusan perancangan," katanya.

# Pembelotan masyarakat dalam kes jenayah

**K**es gangster berparang banyak berlaku di Klang dan beberapa lokasi lain hingga mengorbankan nyawa dipercayai ekoran perebutan kawasan. Wartawan SelangorKini, **AFIX REDZUAN** menemu bual penganalisis jenayah, **KAMAL AFFENDI HASHIM** mengenai kepentingan peranan masyarakat.

Ramai resah berikutan kes kumpulan gangster berparang umumnya kian menjadi-jadi kebelakangan ini. Komen?

Kalau menyangka polis tidak mengambil pandang, tidak berperhatian, itu saya sangkal. Dari masa ke masa, kes samun berparang menjadikan orang perseorangan, kenderaan, rumah dan premis perniagaan sebagai sasaran. Kita dapat lihat tangkapan yang dibuat polis.

Yang penting ialah peranan masyarakat. Bukan setakat laporkan kejadian tetapi kalau ada percubaan membeli barang curi, hendaklah dilapor.

Tidak mungkin barang samun seperti komputer riba, telefon bimbit digunakan mereka, sudah pasti ia dijual. Jadi pembeli juga yang curang kepada masyarakat.

**Kebanyakan maklumat di laman sosial lebih berbentuk perkauman misalnya perpaduan antara kaum dan melibatkan warga asing. Pandangan?**

Inilah masalahnya. Kadang-kadang penerangan gambar yang mereka muat naik tidak

mengambil kira sensitiviti, ada kalanya fitnah semata-mata. Bila dikaitkan dengan kaum tertentu, misalnya India, walhal bukan mereka. Ini menimbulkan kekecohan hingga boleh menimbulkan ketegangan kaum.

Ambil contoh, penyebaran kejadian di sebuah pasar raya walhal yang terlibat bukan dilakukan orang Malaysia. Tetapi apabila viral, ia dikatakan orang Malaysia dan merujuk kaum tertentu. Ini menjadi polemik masyarakat sehingga timbulnya ketakutan.

**Dari segi kajian, adakah statistik jenayah berada di tahap membimbangkan?**

Apa-apa bentuk jenayah mestilah ia menjengkelkan. Apabila kes dibuka, polis akan beri perhatian sama ada kes itu kecil atau besar. Polis akan melakukan tindakan berdasarkan siasatan atau maklumat orang awam dalam menyelesaikan kes.

Secara statistiknya, sasaran yang ditetapkan antarabangsa ialah 25 peratus penyelesaian kes mengikut jumlah laporan kes setiap tahun. Di Malaysia, polis mensyaratkan pencapai-

**Kadang-kadang penerangan gambar yang mereka muat naik tidak mengambil kira sensitiviti, ada kalanya fitnah semata-mata. Bila dikaitkan dengan kaum tertentu, misalnya India, walhal bukan mereka. Ini menimbulkan kekecohan di hingga boleh menimbulkan ketegangan kaum**

an penyelesaian kes ialah 45 peratus. Ini direalisasikan.

**Secara keseluruhan, bagaimana kerjasama masyarakat dalam membanteras jenayah?**

"Hampir setiap hari, ada pembelotan sebahagian ahli masyarakat. Umpamanya membeli barang curi, tahu maklumat jenayah tetapi enggan dedahkan maklumat.

Walaupun berpuas hati dengan peranan masyarakat dalam pencegahan jenayah dari segi rondaan dan sebagainya tetapi mereka perlu pertingkatkan lagi kerjasama dengan menyulur maklumat.

"Barangkali masyarakat



Ihsan blogmasjidbandarbktraja2

hanya berfikir mereka hanya ada sedikit maklumat tetapi sebenarnya, apabila dicampur dengan maklumat orang lain, mungkin jadi komposit maklumat yang membantu penyelesaikan kes. Malangnya, ramai berdiam diri atau menganggapnya tidak penting. Akhirnya tanggungjawab itu dipikul polis.

**Kecuaian menjadi kunci utama jenayah seperti kecurian motosikal dan seumpama-y. Bagaimana kecederungan kes yang meragut nyawa?**

Dari segi kes melibatkan

nyawa tidak sampai 200 kes setahun. Jumlah kemalangan jalan raya lebih tinggi daripada jenayah.

Untuk berlaku jenayah, perlu ada kombinasi tiga faktor iaitu kehadiran penjenayah, sasaran dari segi mangsa atau tempat dan peluang.

Hanya gabungan tiga perkara tadi dalam satu titik, maka jenayah berlaku. Untuk kurangkan penjenayah agak sukar kerana dalam tamadun manusia, memang adanya penjenayah. Yang boleh dilakukan orang awam ialah mengurangkan peluang dari menjadi mangsa penjenayah.

## Isu PPR dibawa ke DNS pada Ogos

**SHAH ALAM** - Isu penyelenggaraan dan pemantauan Program Perumahan Rakyat (PPR) dibawa dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) pada Ogos untuk dibahas selepas kajian mendalam dilakukan.

Speaker DNS, Hannah Yeoh, berkata pihaknya meneliti isu itu melalui dokumen diterima daripada kesemua saksi dipanggil dalam sesi pendengaran awam itu.

Katanya, Selcat tidak akan membuat sebarang keputusan berkaitan isu itu, sebaliknya hanya memberi saranan boleh diguna pakai pihak berkenaan.

"Kami menyediakan satu pernyataan mengandungi saranan jawatankuasa hasil daripada penemuan serta fakta diperolehi selepas sesi pendengaran awam ini berakhir."

"Kami akan lihat keseluruhan isu yang berlaku di PPR seluruh Selangor bukan hanya melibatkan penyelenggaraan, tetapi membabitkan semua perkara," katanya.

Hannah berkata Selcat juga tidak terburu-buru membentangkan pernyataan itu, sebaliknya menggunakan masa yang ada mencari penemuan bersesuaian.

Beliau turut menolak dak-

waan Selcat bertanggungjawab mengeluarkan arahan berhubung kerja penyelenggaraan terhadap kesemua PPR di Selangor.

"Bukan tanggungjawab Selcat pastikan kerja penyelenggaraan dibuat, tetapi kami buat cadangan kerana kami tiada kuasa eksekutif untuk keluar arahan," katanya lagi.

Selcat dipengerusikan Hannah dan disertai panel yang lain terdiri daripada Adun Selangor, antaranya Dr Xavier Jayakumar, Saari Sungib, Shafiee Ngah, Haniza Talha, Ng Suee Lim dan Sulaiman Razak.




Ahli jawatankuasa SELCAT meninjau keadaan rumah PPR

**Sewa atas sewa**

## Kerajaan Negeri gempur PPR

### TINJAUAN ORANG RAMAI

**Penduduk tempatan PPR memandang serius masalah sewa atas sewa yang semakin meningkat sehingga mengancam keselamatan mereka apabila terpaksa berjiran dengan warga asing dan dikhuatiri menjadi sarang jenayah.**



Terdapat kira-kira 40 peratus warga asing memonopoli lapan blok perumahan di sini walaupun sudah banyak aduan dibuat. "Kami juga pernah tanya kepada penyewa tempatan kenapa sewakan rumah mereka kepada warga asing. Jawapan yang diberikan kerana kawasan ini tidak selamat untuk didiami.

Rahman Aman, Ketua Blok H,  
PPR Lembah Subang

Penduduk pernah halau warga asing yang menghuni kawasan ini, tetapi masih ramai penyewa tempatan yang enggan beri kerjasama dan masih sewakan kepada mereka. "Lagipun ramai perempuan tempatan berkahwin dengan warga asing. Di PPR ini, kita tidak nafikan ada kes seperti itu, tetapi tidak banyak," katanya

Zakaria Ismail,  
Pengerusi Surau PPR Kota Damansara



Saya rasa tak selamat tinggal di sini. Banyak masalah jenayah berlaku. Mereka (pendatang asing) juga bermiaga di kawasan sekitar. Namun, saya sekeluarga tidak pedulikan mereka sebagai langkah keselamatan.

Fauziah Buyong, Suri Rumah

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri memandang serius tindakan tidak bertanggungjawab penyewa tempatan yang menyewakan unit rumah mereka kepada warga asing.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Samad berkata, beliau akan meminta Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) menjalankan serbuan di semua Projek Perumahan Rakyat (PPR) ekoran sikap mengaut keuntungan atas angin itu.

Katanya, terdapat kes unit rumah penyewa tempatan dirampas kerana 'sewa atas sewa' sebelum ini.

"PPR di Kota Damansara, Hicom dan

Serdang di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Manakala, Lembah Subang di bawah MBPJ. Saya akan minta MBPJ dan Lembaga Perumahan turun buat operasi gerak gempur.

"Memang ada yang sudah dikeluarkan kerana sewa atas sewa," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri kesal dengan sikap tidak bertanggungjawab segelintir penyewa tempatan yang mengambil kesempatan.

"Ini adalah rumah sewa dan tidak boleh dijual. Penyewa juga tidak boleh menyewa kepada orang lain.

"Jika berlaku sewa atas sewa, kontrak sewaan akan dibatalkan serta merta. Kerajaan Negeri akan tawarkan kepada penyewa yang menyewa dari penyewa asal," katanya.



# Lantik 'task force'

**SHAH ALAM** - Perlantikan 'task force' di bawah badan berwajib perlu dilaksanakan bagi memastikan tidak wujud sewa atas sewa yang membabitkan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Adun Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan berkata, 'task force' itu boleh diletakkan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Katanya, pasukan khas itu perlu menjalankan pemantauan berterusan dan siasatan dalam kes terbabit.

"Saya sarankan kita lantik pasukan khas bagi menjalankan siasatan terhadap pemilik sewa atas sewa ini," katanya.

Halimaton berkata, sikap tidak

bertanggungjawab penyewa terbabit akan menyukarkan ramai lagi penduduk berpendapatan rendah menunggu giliran untuk memiliki PPR.

Beliau berkata, tindakan tegas perlu dikenakan kepada penyewa tempatan yang bertindak menyewakan unit kediaman mereka kepada warga asing.

"Ini perkara serius. Seharusnya, perkara ini tidak berlaku. Mereka yang bertindak menyewakan kepada orang lain itu bermakna mempunyai rumah lain.

"Jadi, tindakan tegas perlu diambil. Masih ramai penduduk menunggu untuk tinggal di PPR contohnya di Seksyen 8, jadi lebih baik kita bagi kepada orang yang lebih layak," katanya.

## Sewa PPR pada warga asing

# Kaut untung lebih 60%

**SHAH ALAM** - Tindakan Kerajaan Pusat membenarkan warga asing bekerja di negara ini bukan sahaja membuka peluang kepada mereka bermaharajalela tetapi pihak tidak bertanggungjawab turut meraih keuntungan.

Tidak kurang juga ada kumpulan warga asing yang tinggal di kawasan penduduk tempatan sehingga membina penempatan dan membuka perniagaan sendiri.

Kebanjiran itu juga menyebabkan penyewa tempatan di Projek

Perumahan Rakyat (PPR) berani mengambil kesempatan dengan menyewakan unit kediaman mereka kepada warga asing bagi mendapatkan keuntungan berlipat ganda.

Kebanyakan warga asing terpaksa membayar sewa lebih tinggi berbanding RM124 dan RM250 sebulan yang ditetapkan ke atas penyewa tempatan.

Harga sewa yang dikenakan kepada warga asing adalah antara RM300 hingga RM500 sebulan.

# Tarik balik sewa

**SHAH ALAM** - Penyewa tempatan yang mengaut keuntungan 'atas angin' perlu disenarai hitam membabitkan sebarang bentuk bantuan supaya menjadi pengajaran kepada semua pihak.

Ahli Majlis MBPJ, Raja Fairus Raja Mazlan berkata, langkah terbabit bagi memastikan tiada lagi isu berbangkit dalam masalah itu.

"Tindakan yang dilakukan pemilik unit terbabit tidak bermorali kerana melakukan penipuan dengan memeras warga asing untuk mendapatkan kesenangan hidup.

"Senaraikan hitamkan nama pemilik unit itu untuk memberi pengajaran kepada mereka dan peringatan kepada yang lain.

"Kita tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka tetapi Pihak Berku-

sa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri boleh menyekat penama itu daripada mendapat sebarang bantuan lagi," katanya.

Seorang lagi Ahli Majlis MBPJ, Cynthia Gabriel, memaklumkan pengurusan MBPJ sudah mengekal pasti beberapa unit yang dihuni warga asing.

Katanya, MBPJ sudah mengeluarkan notis pengosongan kepada unit terbabit dan tindakan pengusiran akan dilakukan dalam masa terdekat.

"MBPJ juga akan membatalkan kontrak penyewaan kepada penyewa berdaftar yang menyalahgunakan unit dengan menyewakannya kepada pihak ketiga.

"Mana-mana unit itu akan tarik balik dan akan disewakan kepada pemohon yang terdapat di dalam senarai menunggu," katanya.

## KERAJAAN NEGERI SELANGOR



### KENYATAAN TENDER (TENDER TERBUKA)

1. Tender adalah dipelawa daripada **kontraktor-kontraktor** di Malaysia yang berkelayakan seperti di dalam jadual di bawah dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berkaitan untuk Projek Pembangunan Penakungan Air Melalui Konsep Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS) Sebagai Sumber Air Mentah seperti berikut :

Tajuk	No Tender	Taraf/Jenis Syarikat	Syarat-syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Masa Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh Tutup
<b>PROJEK PEMBANGUNAN PENAKUNGAN AIR MELALUI KONSEP HYBRID OFF RIVER AUGMENTATION STORAGE (HORAS) SEBAGAI SUMBER AIR MENTAH</b>	2081/13/3	TERBUKA/T2	<p>1. Berdaftar dengan CIDB di bawah SPKK Gred G7 Kategori Penghusus CE21, CE06, CE08, M15 dan E11</p> <p><b>Fasa 1 Paket 2:</b> Cadangan Kerja-Kerja Pengukuh Tebing Kolam Takungan Dan External Works Berkaitan Di Kolam Utama (Sg. Darah) Untuk Projek Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS) Di Kg. Sg. Darah, Mukim Bestari Jaya</p>	<b>RM1,000.00/ satu set (tidak akan dikembalikan)</b>	<b>Taklimat:</b> <b>10 Mac 2015 (10.00 pagi)</b>  <b>Lawatan Tapak:</b> <b>10 Mac 2015 (2.00 petang)</b>  <b>(WAJIB)</b>	<b>03 April 2015 (12.00 tengahari)</b>

2. Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada 10Mac 2015 pada waktu pejabat di alamat :

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Makro & Penswastaan  
Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

40000 Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN

3. Dokumen Tender akan mula dijual bermula pada 11 Mac 2015, pada waktu pejabat di alamat tersebut di atas.
  4. Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada 25Mac 2015. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.
  5. Petender-petender perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum membeli Dokumen Tender. Petender dikehendaki mengemukakan Resit Bayaran Pendaftaran sebagai bukti kontraktor telah berdaftar secara on-line semasa membuat urusan pembelian Dokumen Tender.
  6. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil syarikat hendaklah membawa Perakuan Pendaftaran Asal atau Kad Perakuan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Resit Bayaran Pendaftaran dengan UPEN Selangor.
- Salinan Sijil Pendaftaran boleh diterima jika disahkan oleh Agensi berkaitan.
7. Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk Draft Bank atau Kiriman Wang di atas nama Bendahari Negeri Selangor.
  8. Petender adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada 10Mac 2015 (10.00 pagi) di Bilik Mesyuarat, Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan menghadiri dan menyertai lawatan tapak bina yang akan diadakan pada hari yang sama, 10Mac 2015 (2.00 petang). Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa sesi taklimat.
  9. Petender-petender yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Tender.
  10. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat Membuat Tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan tender. Jika dokumen tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
  11. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan tajuk dan no. tender pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari 03 April 2015, di alamat :

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
Unit Perancang Ekonomi Negeri, Seksyen Makro & Penswastaan  
Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

40000 Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN

12. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
13. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tender yang termurah/terendah atau mana-mana tender atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tender. Kerajaan juga mengikut budi bicaranya tidak terikat untuk memberi maklum balas kepada sebarang bantahan yang mungkin diterima berkenaan tender. Kerajaan juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada tender dan segala keputusan Kerajaan adalah muktamad.

# Tawaran Terbuka kepada:

- T2 : (i) Syarikat 100% milik warganegara; atau  
(ii) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau  
(iii) Syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di BSKL atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi empat puluh sembilan (49%) dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

OLEH SYAHMI FADZIL

**W**aktu kecil, saya selalu cemburukan jiran saya yang hidupnya dalam keadaan mewah. Segalanya akan terbentang sama dengan ukuran keinginannya; semuanya percuma. Malah ada suatu hari itu saya cukup sedih ketika dia dikurnikan unicorn dari orang atas sana.

Untuk masa yang berterusan, saya hanya akan memandangnya dari jauh ketika dia sedang sibuk bergelak ketawa meraikan kehidupan. Dia akan keluar pada siang hari dan pulang pada lewat malam, sudah tentu, menunggang unicorn tersebut. Saya tertanya, apa yang adilnya dengan adegan bahagia tersebut. Sedangkan saya bergelut dengan kesusahan, dia tak perlu fikirkan apa-apa tentang benda sekeliling.

Jadi suatu hari itu, saya ambil masa untuk duduk bersendiri dan bersyukur dengan apa yang saya ada. Dan waktu itu datang – unicorn tadi terlepas dari kurungannya dan mengetuk tingkap saya dari luar.

"Hey," dia kata, "boleh aku berkongsi?"

Reaksi saya pada waktu itu agak janggal. Kepala saya bingung. Bagaimana unicorn ini boleh bercakap? Maksud saya, walaupun ia merupakan binatang agung dari kayangan atas sana, tak pernah ada kisah sebelum yang diturunkan dari generasi ke generasi tentang unicorn yang boleh bersuara dengan bahasa yang saya faham.

"Boleh." Saya jawab perlahan, tarik kerusi dan duduk menghadapnya, "kau nak kongsi apa?"

"Kau percaya kewujudan aku?"

"Ah. Kau selalu diceritakan oleh mereka yang sebelum, selalu keluar dalam fisi kanak-kanak, selalu ditayangkan dalam pentas." Aku tarik nafas pantas, "aku percaya kau wujud."

Dia mengangguk pantas sebelum kibarkan sayapnya perlahan sebagai gesper yang aku tak pasti maknanya. Beberapa sinaran debu berderai jatuh dari gerak sayapnya tersebut, berkumpul di atas rumput luar.

"Apa yang mereka katakan tentang aku?" Dia sambung bertanya.



"Kau adalah binatang agung yang turun dari kayangan atas. Sepatutnya kau tak boleh muncul dalam dunia kami tetapi atas sebab yang istimewa, kau akan dihadiahkan kepada seseorang yang beruntung."

"Oh."

"Kenapa?"

"Tak. Aku selalu bertanya bagaimana manusia melihat kami, kau tahu, dari pandangan terdalam mereka." Dia berdengus, saya rasa itu bagaimana unicorn merungut, "sebenarnya sangkaan itu tak bergerak dengan apa yang

kami impikan sejak lahir, kami hanya menurut pada orang atasan untuk melakukan tugas-tugas rawak; bawa mereka menjelajah, hantar surat-surat rasmi, atau mengawal ladang."

Saya tersenyum sendiri dan dalam masa yang sama mengawal perasaan aneh di dalam, "kat atas sana

ada ladang?"

Dia angguk, "berbezanya dari sini, di sana ada buah-buahan yang lebih berwarna-warni."

Ladang buah berwarna-warni – ia masih dalam lingkungan ideal saya tentang bagaimana suasana di sebuah tempat yang bernama kayangan.

"Jadi, apa yang kau impikan sejak lahir?"

"Bebas."

"Oh," saya berdehem, "tak sangka haiwan seperti kau pun ada keinginan untuk bebas."

"Apa manusia saja yang boleh memikirkan erti bebas?" matanya tajam disebalik bulu mata lentiknya yang panjang, "kami juga ingin bebas meraih kehidupan kami sendiri, berpindah dengan koloni kami, cipta tamadun kami sendiri, dan sumbangkan sesuatu pada kayangan atas sana."

Waktu ini sengaja saya biarkan biji mata sendiri memadang ke kiri dan kanan, dan dalam masa yang sama cuba rasionalkan perkataan yang keluar dari mulut unicorn ini. Haiwan seperti ini tak patut mempunyai kesedaran tentang hidup. Bukan kerana saya anggap mereka hina, tetapi untuk betanya apa-bagaimana-kenapa tentang kehidupan adalah perkara yang membebankan.

Malang betul unicorn ini.

"Sejak dari lahir, kami akan dibesarkan secara tegas. Makan, tidur, bercakap, berlari; semua ini di dalam satu jadual yang tetap. Bagi yang tak mampu berdisiplin mengikutinya, kami akan diturunkan kepada manusia di bumi." Dia alihkan pandangan memandang langit, "kiranya aku ini antara yang terbuang."

Saya cuba selam warna matanya yang agak kelam pada waktu tersebut. Mungkin saya boleh faham dengan apa yang dikatakan tentang terbuang itu.

"Dia di atas akan kata kau inginkan bebas, nah turun kau ke bawah dan rasai kebebasan sebelum campak kami ke manusia rawak yang kau katakan beruntung itu."

"Jadi? Bukanakah impian kau dah tercapai? Untuk bebas?" Saya menjeling ke rumah sebelah,

Dia mengangguk.

"Dah tu kenapa kau masih terikat dengan manusia?"

"Sebab aku memilih itu. Kami semua yang diturunkan ke sini akan memilih itu."

"Kau ada peluang untuk bebas dan kau pilih untuk terikat dengan manusia?"

"Sebab ianya palsu," dia ambil masa menyusun ayat, "untuk bebas tanpa tujuan, ia membosankan."

**Dia di atas akan kata kau inginkan bebas, nah turun kau ke bawah dan rasai kebebasan sebelum campak kami ke manusia rawak yang kau katakan beruntung itu tadi**


OLEH AFEEQA AFEERA

**C**antik, warna-warni, pelbagai. Hanya tiga perkataan itu berlegar-legar di fikiran saat menjelajah ke segenap pelusuk Galeri Shah Alam ketika dipukau estetika seni karyawan tempatan.

Pelbagai variasi dihidangkan melaui gaya kepada pengunjung untuk 'mencuci mata' melalui perspektif peribadi.

Bersesuaian dengan nama '15 V', pa-meran itu menampilkan karya 15 penggiat seni tanah air yang aktif berkarya dalam bentuk penghasilan seni visual kontemporari dari pelbagai genre.

Elemen abstrak antara paling banyak menghiasi dinding konkrit galeri antara-nya catan alahan semi abstrak dan abstrak ekspresi.



# Warna-warna di dinding

Mustahil terlepas pandang seni akrilik atas kanvas bertajuk 'Syukur' karya A Shukri Elias yang terpampang luas di kiri galeri itu.

Kehalusan lukisan itu menceritakan emosi pelukis yang cuba meluahkan sesuatu melalui penggunaan warna merah sebagai latar utama.

Itulah abstrak, tidak dapat dirasa de-ngan pancaindera tetapi hanya ada dalam fikiran.

Biarpun dilancarkan sempena Tahun Melawat Selangor 2015, eksplorasi seni tidak terhad kepada produk negeri ini sahaja.

Pengunjung juga berpeluang menyaksikan lukisan rumah tradisional Baitul Rahmah yang terkenal di Kuala Kangsar, Perak.

Lukisan penuh nostalgia itu sebenarnya mencuri perhatian melalui teknik catan warna biru terang.

Lebih menarik, lukisan itu mengimbau reka bentuk seni binaan pada 1911 yang kini berusia 104 tahun dan masih teguh berdiri.

Karya Haron Mokhtar itu nyata tidak mengecewakan. Beliau bukan sahaja punya teknik melukis, tapi ada skil mewarna dengan baik.

Selain itu, elemen Islam tidak ketinggalan. Cetakan skrin atas kanvas dengan zikir memuji nama Allah ditonjolkan dalam karya Mohd Jamil Mat Isa dengan elemen warna terang.

Sambil melihat, bibir juga ikut berzikir.

Pendek kata, setiap karya punya aura tersendiri dan memiliki maksud tersurat lagi tersirat.

Mereka antara penggiat seni visual tanah air yang aktif dan berpengalaman luas dalam negara mahupun pada peringkat antarabangsa.



**Pelbagai bentuk lukisan dipamerkan**

## Galeri Shah Alam dipindah

**SHAH ALAM** - Galeri Shah Alam Galeri yang menempatkan pelbagai karya seni dari seluruh negara akan dipindah ke lokasi baru.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata ia bagi memberi keselesaan kepada penggiat seni mempamer karya mereka.

Bagaimanapun, katanya keputusan berhubung hal itu akan dibincang bersama Dato' Menteri Besar, Mohamed

Azmin Ali dalam masa terdekat.

"Banyak kekurangan, contohnya tempat simpanan koleksi lukisan tidak sempurna dan agak uzur kerana berusia lebih 30 tahun.

"Kita akan bincang lanjut dan ada dua tiga cadangan (lokasi)," katanya selepas merasmikan Pameran 15V (Visi, Variasi, Versatil) di sini, 27 Februari lalu.

Sempena sambutan Tahun Melawat Selangor 2015, Galeri Shah Alam me-

ngadakan Pameran 15V hasil gabungan 15 penggiat seni tanah air dalam penghasilan seni visual kontemporari dan pelbagai genre.

Antara karyawan ialah Profesor Raja Datuk Zahabuddin Raja Yaacob, Yusof Gajah, Md Yusoff Othman, Long Thien Shih, Md Sani Md Dom, Juhari Said, Suzlee Ibrahim, Syed Thajudeen, Ramli Abdullah, Zaim Durulaman, Fauzin Mustafa dan Raja Shahriman Raja Azidin.

Pameran itu berjaya memaparkan pelbagai bentuk penggayaan seni kontemporari dari media dan genre di Malaysia, umumnya.

Ia untuk dikongsi bagi mengkaji, meneliti dan memahami penggunaan dari pelbagai medium dan teknik menerusi seni fotografi, catan alahan semi abstrak, abstrak ekspresi, visual landskap, seni cetak, seni arca, teknik montaj dan kolaj.

## KATA-KATA BERSUARA

(Kepada Pak Syeikh & Adinda Azmin Ali)

*Saksinya langit, bumi melekit kerana kehujanan semalam tingginya bukit tapi doa, ke tinggi melangit yang liangnya di langit-langit laluan nyawa kembali ke Ilahi.*

*Pak Syeikh, sempurna kalis penyakit  
Dan adinda Azmin Ali setia berakit.*

*Berakit-rakit ke hulu,  
Berenang-berenang ke tepian;  
Bersakit-sakit dahulu,  
Kesenangan di syurga kemudian,  
Ungkap moyang Melayu.*

*Kata-kata tetap bersuara  
Bercahaya asal diri iman di dada  
Sonder iman, celaka diri, musnah keluarga  
Ke neraka pasti, walau kini  
Jadi Jho Low, atau selubungi semua menteri  
USD 700 Made in Malaysia,  
ini hari Al-Lahab, firman Ilahi.*

*Bermusim patung-patung  
di mahkamah  
Puing-puing kering guaman  
Diganggang kata-kata  
kelak, tiba saatnya, pasti  
nyawa di rengkung, lautan seksaan,  
mesti boleh dikira jari, yang bernama manusia  
mengerti dan amat tahu  
pusara hanya pintu seksaan, alam yang itu.*

*Daeng Ramliakil*

## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang Memanggil tender	Tajuk Projek (Pembentangan)**	Taraf/Jenis Syarikat	Gred, Kategori, Pengkhususan	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BENGKEL LOGISTIK & TNB SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DI TANJUNG KARANG, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.	Bumiputra T1	CIDB, SPKK, PKK Gred : G4  Kategori : B  Pengkhususan: B04  Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor.  Tarikh Dokumen Dijual:  04/03/2015 (Rabu)  Sehingga  17/03/2015 (Selasa)	<b>RM328.00</b>  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  Pada: 24/03/2015 (Selasa)  Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.  Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Pejabat Jurutera Daerah, JKR Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. No. Tel: 03-32891040

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor / Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- \*Jenis Syarikat Tempatan:
- T1 Syarikat 100% milik tempatan
  - A1 Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 10% warganegara.
  - A2 Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/ UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembentangan)**	Taraf/Jenis Syarikat	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN MENAIKTARAF JALAN PARIT EMPAT (4) TIMUR, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN.	Bumiputra T1	CIDB, SPKK, PKK Gred: G5 Kategori: CE Pengkhususan: CE01 & CE21  Lawatan Tapak: Digalakkan  Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  06/03/2015 (Jumaat) Sehingga 20/03/2015 (Jumaat)	<b>RM 180.00</b>  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  30/03/2015 (Isnin)  Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Wajib Berdaftar dengan (UPEN) kat JALAN PARIT 4 TIMUR Sebarang pertanyaan hubungi Pejabat Jurutera Daerah, JKR Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan. No. Tel: 03-32891040

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/ kiriman wang/ wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa **perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut**. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).

- \*Jenis Syarikat Tempatan:
- T1 Syarikat 100% milik tempatan
  - A1 Syarikat 100% milik tempatan dan syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 10% warganegara.
  - A2 Syarikat 100% milik tempatan, syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

# Kompaun RM2,000 buang sampah haram

OLEH NAEEM RAFFI

(MDKL) 1994.

"Orang ramai diharap memberikan sokongan mengekalkan keindahan kawasan persekitaran dengan tidak membuang sampah secara haram dengan denda kompaun maksimum.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata kompaun maksimum sehingga RM1,000 atau denda mahkamah dengan jumlah maksimum RM2,000 menanti mereka yang ingkar.

Katanya, tindakan itu diambil di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-sarap (MDKL) 2007 dan Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran

MDKL turut mempunyai kumpulan 'Waste Gang' yang terlibat membantu kerja pembersihan dan membuat tinjakan segera terhadap aduan berkaitan sampah.

## Pertanian bandar



**SHAH ALAM** - Kebun Komuniti diwujudkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membuktikan pertanian boleh dilakukan di kawasan bandar disamping mewujudkan kawasan hijau.

Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad, berkata pelaksanaan Program Pertanian Bandar itu dilaksanakan di Kolam Tadahan, Jalan 8/3, Seksyen 8, di sini seluas 2.4 ekar.

Katanya, Program itu diusahakan sejak awal September 2014 diusahakan bersama dengan MBSA dan Persatuan Penduduk Lapan Timur (PP8T).

"MBSA menyediakan pelba-

gi keperluan bagi mengusahakan Kebun Komuniti itu," katanya.

Antara kelengkapan disediakan adalah pembelian benih tanaman, pembelian baja, pemasangan saliran air, penyediaan peralatan tanaman seperti cangkul dan sebagainya.

Terdapat sebanyak 19 jenis tanaman sayur-sayuran ditanam di Kebun Komuniti itu, antaranya petola, terung, bendi, bayam merah, bayam hijau, jagung, kacang buncis, kacang panjang, labu, timun, sawi, kacang tanah, cili, keledek dan sebagainya.



# Gaya Hidup Selesa Tiada Taranya

**SUTERA HEIGHTS**  
JITU SUTERA COLLECTION  
@ TAMAN JUARA JAYA



LOKASI STRATEGIK, *Hakmilik Kekal*



Pemaju:

**JITU ENIGMA SDN BHD** (974524-V)  
D2-1 Jalan Dutamas 2, Taman Dutamas  
43200 Batu 9 Cheras, Selangor  
Tel: 03-9082 4688 Faks: 03-9081 1669

## PELANCARAN 120 KEDIAMAN SUPERLINK MEWAH

Tempat: Vivatel Tingkat 3A, Viva Home Shopping Mall,

Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur

Tarikh : Mac 7&8 2015

Masa : 10pg - 7mlm

Pencarian anda untuk rumah idaman yang menggabungkan Gaya, Ruang dan Tarikan Mewah kini boleh ditemui berdekatan Lebuhraya SILK, dikelilingi alam semula jadi dan bukit-bukit yang terkenal.

SUTERA HEIGHTS merupakan lambang kesempurnaan gaya hidup mewah disulami Kualiti dan Kemewahan di setiap 3 tingkat unit rumah yang sesuai untuk sehingga 3 generasi.

Vila yang berpengaruh senibina Mediterranean adalah terhad dan sememangnya memenuhi gaya hidup mewah yang anda idamkan, dibawakan khas oleh JITU SUTERA



HUBUNGI:

**013-207 8811**  
**016-207 8811**

# KOLEKSI HARTANAH PKNS 2015

di SACC MALL, SHAH ALAM



Jangan lepaskan peluang ini untuk memiliki kediaman impian anda dari KOLEKSI HARTANAH PKNS 2015 yang penuh dengan pelbagai pilihan yang memenuhi citarasa anda. Insentif & hadiah menarik menanti anda!

Kunjungi kami dari 27 Feb - 8 Mac 2015 • 10 pagi - 8 malam



**Dapatkan insentif &  
hadiah menarik**



**013 393 8183 | 019 367 8965 | 018 205 1713**  
**019 303 4342 | 012 236 1154 | 019 213 9991**

50 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan, Menrealisasikan Impian



WINNER OF THE PRESTIGIOUS  
BC ARIA TOP 10 PROPERTY  
DEVELOPERS AWARD  
2 YEARS RUNNING



[www.pkns-property.com](http://www.pkns-property.com)

Pertemuan Komisaris Negara Sabang, Bahagian Justis Hentrem Wilayah Terengganu Utara, Tingkat 2; Kemperia PHNS Sabah Aliran, 4005 SHM Sabah Aliran, Sabang Seluruh Enam GITRIMA 3 (No Lesen Permu : 9002-8451-2019/133, Tempoh Satu : 25/6/2014-24/6/2016, No Permit Pengeluaran : 9002-8461-2015/141/P, Tempoh Satu : 25/6/2014-24/6/2016, Pihak Berkuasa Mulu/Lutong, Pihak Pengembangan Majlis Daerah Hulu Terengganu, No Kelayaran Pihak Pengembangan : (2) Dkt.Maks/43V/21-15/1032-B (berlaku 16/8/11, Bahagian Tanah / Tada, Status Has Mls : Pejabat 99 Tahun Temet Padu 24 April 2107, Terdiri Dari 23 Etagian Unit / 76 Haaga Minima : RM363,563; Matriks RT 005,363. Sumbangan Kepentingan : Senarai Yang Dibuat Mls Tiada Bukan Objek Mls, Objek Aka : Di Cetak Dengan Konsensus Pihak Berkuasa Negara.

Persetujuan Komisi Negara Saleng, Bahagian Juadah Hartamah Wilayah Terengganu Utara, Tingkat 2, Kemperis PNB Shah Alam, Selangor Darul Ehsan "GTRB/NA/3/100 Lessen Permu : 9002-84/1-2019/913, Tarikh Bah : 25/01/2014-24/03/2016, No Permit Pengiriman : 9002-84/1-2016/514/P, Tarikh Sun : 25/01/2014-24/07/2016, Rakan Entitas Makaupan Petan Pembangunan Majlis Daerah Hulu Terengganu, No Kelayaran Permit Pengiriman : 26/03/2014-28/03/2016, Berdaftar Nombor : 10001111, Bahan Tanah / Tanah Status Hasi Mit : Pegunungan 99 Tahun Tamat Padang 24 Areal 2137, Tarikh Dijemput Sesi : Disember 2013 Bilaang Unit : 78 Hectare Minima : RM303,963. Maafnya RM 895,363. Soalan Kepentingan : Beren Yang Dibentuk Ia Tidak Boleh Dipindah Milik, Objek Aman : Di Cuci, Dengan Kriteria Pihak Berkuasa Negara.

**BERSAMBUNG DARI MUKA 16****Apakah lokasi Rumah Selangorku strategik? Bagaimana pula pada masa depan?**

PKNS siapkan projek Selayang Mutiara di Bukit Botak dan Pangsapuri Damai Residensi Bangi di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi. Yang dalam pembinaan ialah Projek Pangsapuri 6 tingkat di Desa Alam, U12, Shah Alam, Seksyen 1D di Antara Gapi dan di Seksyen 5, Kota Puteri.

Dalam perancangan pula ialah projek di Science Park 2, Cyberjaya yang akan dibina pada 2016, Pangsapuri 12 tingkat di Kampung Sri Temenggung, Selayang.

Rumah teres dua tingkat juga dalam perancangan melibatkan lokasi di Rasa, Hulu Selangor, di Antara Gapi, di Laman 1, Bernam Jaya dan di Seksyen 9, Kota Puteri dengan harga maksimum RM250,000.

Lokasi itu antara kawasan yang ada permintaan tinggi. Projek di Science Park 2, Cyberjaya antara tumpuan pembeli kerana ia kawasan 'hotspot' di Lembah Klang.

**Bagaimana PKNS membina rumah mampu milik dan menjana keuntungan pada masa sama?**

Membina Rumah Selangorku memerlukan kos tinggi. Contoh projek Selayang Mutiara di Bukit Botak dengan jualan RM99,000. PKNS kerugian hampir RM80 juta. Bagi Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, PKNS rugi RM12 juta.

Sebenarnya, keuntungan PKNS dijana melalui projek perumahan Siri Signature (Rumah Kos Sederhana) dan Siri Prestij (Rumah Kos Tinggi) bagi menampung kerugian itu. Dalam 15 tahun akan datang, subsidi yang ditanggung PKNS ialah RM1 bilion hingga RM3 bilion, bergantung kepada kos.

**Bagaimana Rumah Selangorku membantu generasi muda memiliki rumah?**

Isu pokok ialah kemampuan pembeli. Sebagai agensi pelaksana Rumah Selangorku, PKNS menyokong dasar kerajaan Selangor untuk membantu rakyat memiliki rumah sendiri terutama golongan berpendapatan rendah. Isu rumah melibatkan keperluan kehidupan selain makanan dan pakaian.

**Tiada cadangan membina rumah konsep sewa milik pada masa depan?**

Pembangunan rumah dengan konsep sewa milik bergantung kepada kewangan sesebuah pembangunan. Sebagai pemaju, rumit apabila terpaksa menanggung kos bagi pihak kontraktor untuk pembinaan. Melainkan ada geran atau program dengan bantuan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat bantu dari segi kewangan untuk unit itu. Maka, mungkin ia dapat disewakan.

**Bagaimana PKNS mengelakkan projek terbengkalai. Bagaimana dengan presta-**

**Pembinaan rumah mampu milik memerlukan kos tinggi. Oleh itu, kebanyakannya pembinaan Rumah Selangorku oleh PKNS, bukan untuk keuntungan. Strateginya ialah melaksanakan Rumah Selangorku sebanyak 7,500 unit bermula 2015 hingga 2019**

**AZLAN MD ALIFIAH  
Pengerusi PKNS**

**si dan usaha menangani isu itu?**

PKNS mengekalkan rekod cemerlang dengan tiada projek perumahan terbengkalai. Lambat siap ada. Tapi penting setiap projek yang dirancang siap seperti konsep 'bina dan jual'.

Contoh kejayaan projek pemulihan rumah terbengkalai pula ialah Selayang Mutiara di Bukit Botak.

PKNS turut menerima peluang mengambil alih beberapa projek terbengkalai. Terbaharu anak syarikat PKNS, Selangor Industrial Corporation mengambil alih projek terbengkalai di U10, Shah Alam untuk dibangunkan semula.

**Nasihat kepada bakal pembeli Rumah Selangorku?**

Pemilihan dibuat Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), bukan bidang kuasa PKNS. Daftarlah segera kerana mereka yang akan memastikan penawaran dan permintaan sesebuah projek perumahan.

Data itu akan dikaji bagi menentukan permintaan penduduk bagi sesebuah kawasan. Harga rumah makin mahal di Selangor dan Kuala Lumpur dengan jangkaan kenaikan antara 11 hingga 12 peratus.

**WAKTU SOLAT SELANGOR**

6 - 13 MAC 2015

15 - 22 JAMADILAWAL 1436H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Jumaat	5:57	6:07	7:24	1:27	4:41	7:28	8:37
07 Sabtu	5:57	6:07	7:23	1:27	4:40	7:28	8:37
08 Ahad	5:57	6:07	7:23	1:27	4:39	7:28	8:37
09 Isnin	5:56	6:06	7:23	1:27	4:39	7:28	8:37
10 Selasa	5:56	6:06	7:22	1:26	4:38	7:28	8:37
11 Rabu	5:56	6:06	7:22	1:26	4:37	7:27	8:36
12 Khamis	5:55	6:05	7:21	1:26	4:36	7:27	8:36
13 Jumaat	5:55	6:05	7:21	1:26	4:36	7:27	8:36

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syur'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Jumaat	5:59	6:09	7:26	1:29	4:43	7:30	8:39
07 Sabtu	5:59	6:09	7:25	1:29	4:42	7:30	8:39
08 Ahad	5:59	6:09	7:25	1:29	4:41	7:30	8:39
09 Isnin	5:58	6:08	7:25	1:29	4:41	7:30	8:39
10 Selasa	5:58	6:08	7:24	1:28	4:40	7:30	8:39
11 Rabu	5:58	6:08	7:24	1:28	4:39	7:29	8:38
12 Khamis	5:58	6:08	7:23	1:28	4:38	7:29	8:38
13 Jumaat	5:57	6:07	7:23	1:28	4:38	7:29	8:38

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
NEGERI SELANGOR**

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**

**AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
PENERIMAAN DAN PEMERIKSAAN AWAM  
RANCANGAN KAWASAN KHAS  
KAWASAN PERINDUSTRIAN  
SUNGAI CHOH 2020**

**PEMBERITAHUAN**

Menurut subseksyen 15 (4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), dengan ini adalah diberitahu bahawa Pihak Berkua Selangor telah memberi persetujuan pada 26 Mac 2014 kepada **Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sungai Choh 2020** untuk diterimakan melalui No. Warta 2913 pada 17 Julai 2014.

DAN Bahwasanya **Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sungai Choh 2020** seperti mana yang dikehendaki oleh subseksyen 15 (4) adalah dibuka untuk diperiksa oleh orang ramai di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, Tingkat 15-18, Bangunan Darul Ehsan, No.3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40646 Shah Alam dan di Majlis Daerah Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu pada waktu pejabat.

**PENGARAH**

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor  
Tkt. 15-18, Bangunan Darul Ehsan,  
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14,  
40646 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan,  
MALAYSIA.

**YANG DIPERTUA**

Majlis Daerah Hulu Selangor  
Jalan Bukit Kerajaan,  
44000 Kuala Kubu Bharu,  
MALAYSIA.

PKNS jangka kenaikan 12% harga rumah dalam pasaran semasa

# Ambil kira kuasa beli

Peranan PKNS dalam pelaksanaan Rumah Selangorku tidak kurang pentingnya tetapi masih ramai yang keliru. Wartawan Selangor Kini, Marniza Othman menemu bual Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah untuk penjelasan.

## Bagaimana tercetusnya idea Rumah Selangor sebagai rumah mampu milik?

Projek dibuat berdasarkan konsep dikenali Kasih PKNS yang memberi peneranan kepada persekitaran lestari dan holistik untuk isi rumah. Kasih ialah akronim maksud Kehidupan Aman Selesa Indah dan Harmoni. Ia dilengkapi pusat tuisyen komuniti, pusat jagaan kanak-kanak dan lain-lain kemudahan.

Sejarah PKNS bermula dengan pembinaan rumah kos rendah sejak 90-an dengan hampir 156,000 unit dibangunkan manakala hampir 85 peratus unit ialah jenis rumah kos rendah dan rumah kos sederhana. Kini, PKNS komited untuk melestarikan projek Rumah Selangorku.

## Sasaran PKNS bagi tahun ini dan lima tahun akan datang?

Pembinaan rumah mampu milik memerlukan kos tinggi. Oleh itu, kebanyakannya pembinaan Rumah Selangorku oleh PKNS, bukan untuk keuntungan. Strateginya ialah melaksanakan Rumah Selangorku sebanyak 7,500 unit bermula 2015 hingga 2019.

## Ramai generasi muda merungut sukar mendapatkan rumah bawah RM250,000. Pandangan?

Ada kategori harga yang mampu dimiliki generasi muda. Contoh, Pangaspuri Damai Residensi Bangi di Seksyen 3, Bandar Baru Bangi yang siap ta-



hun lalu. Rumah itu habis dijual pada harga minimum RM60,000 dan maksimum RM190,000.

Yang dalam pembinaan ialah 104 unit di Desa Alam, Seksyen U12. Pada saya, ia mampu dimiliki generasi muda kerana unit yang dijual berharga antara RM100,000 hingga RM150,000. Jangkaan siap hujung tahun ini. Hingga kini,

76 unit sudah dijual.

## PKNS tidak berminat membina rumah bawah RM50,000?

PKNS tidak lagi membina rumah kos rendah. Ia digantikan dengan rumah berharga dari RM60,000 hingga RM250,000.

Bersambung di muka 15

## SENARAI PROJEK RUMAH SELANGORKU MAMPU MILIK IDAMAN PKNS

SENARAI PROJEK SIAP							
NAMA PROJEK	JENIS	BIL. UNIT	KELUASAN LANTAI	HARGA JUALAN	KEMUDAHAN DISEDIAKAN	BIL. UNIT DIJUAL	STATUS
Bukit Botak, Gombak	Rumah Berkembar, 1 Tingkat	1,422	850kps	RM99,000.00		Habis Dijual	CCC diperolehi 28/04/2013
Seksyen 3, Bandar Baru Bangi	Pangsapuri, 6 Tingkat	124	i. 995kps ii. 1,032kps	RM60,000.00 - RM144,000.00	• Lif • Dewan Komuniti • Surau • Tadika, Pusat Tuisyen & Bilik Bacaan • Taman Permainan	Habis Dijual	CCC diperolehi 02/10/2014
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,546</b>					

## SENARAI PROJEK DALAM PERLAKSANAAN

NAMA PROJEK	JENIS	BIL. UNIT	KELUASAN LANTAI	HARGA JUALAN	KEMUDAHAN DISEDIAKAN	BIL. UNIT DIJUAL	STATUS
Seksyen 1D, Antara Gapi	Rumah Teres, 1 Tingkat (20' x 60')	129	i. 995kps ii. 1,032kps	RM180,000.00 - ke atas		66 unit	Jangkaan Projek siap Mac 2016
Seksyen U12, Shah Alam	Pangsapuri, 6 Tingkat	104	i. 750kps ii. 850kps	RM100,000.00 - RM150,000.00	• Lif • Dewan Komuniti • Surau • Tadika, Bilik Bacaan/ Perpustakaan • Taman Permainan, Kedai Runcit & Dobi • Pejabat Pengurusan Bangunan	76 unit	Jangkaan Projek siap Disember 2015
Seksyen 5, Kota Puteri	Townhouse, 2 Tingkat	198	i. 943kps ii. 1,048kps	RM180,000.00 - ke atas	• Dewan Komuniti • Surau • Taman Permainan • Tadika, Pusat Tuisyen & Bilik Bacaan • Pejabat Pengurusan Bangunan		Jangkaan Projek siap Disember 2016
	<b>JUMLAH</b>	<b>431</b>					

## SENARAI PROJEK DALAM PERANCANGAN

NAMA PROJEK	JENIS	UNIT	KELUASAN	HARGA JUALAN	KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN
Kg. Sri Temenggung, Selayang	Pangsapuri, 12 Tingkat	418	850kps	RM150,000.00	• Lif • Taman Permainan • Surau • Dewan Komuniti • Tadika & Bilik Bacaan • Pejabat Pengurusan Bangunan
Rasa, Hulu Selangor	Rumah Teres, 2 Tingkat (18' x 60')	66	1,200kps	RM250,000.00	
Antara Gapi	Rumah Teres, 2 Tingkat (20' x 60')	80	1,200kps	RM250,000.00	
Laman 1, Bernam Jaya	Rumah Teres, 2 Tingkat (18' x 60')	100	1,200kps	RM250,000.00	
Seksyen 9, Kota Puteri	Rumah Teres, 2 Tingkat (20' x 60')	140	1,200kps	RM250,000.00	
	<b>JUMLAH</b>	<b>804</b>			



Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh Percetakan Turbo (M) Sdn Bhd (140879-U), No. 8, Jalan Sekinchan 26/9, Seksyen 26, Shah Alam, Selangor. Telefon: 03-51929800 Faks: 03-51929819